# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insuran berkaitan pelaburan anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Insurans Hayat

**Tarikh: 20/08/2025**

## ❶ Apa itu LegacyPro?

LegacyPro menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Ia adalah satu pelan berkaitan pelaburan dengan premium berkala dengan pilihan tempoh pembayaran premium yang terhad atau penuh, dan pilihan tempoh polisi. Pelan ini melindungi kematian, dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK).

## ❷ Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

<table>
<tr><td colspan="3">Sebagai ilustrasi, untuk RM2,712.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan / manfaat pelan insuran hayat berkaitan pelaburan berikut sehingga umur 100.</td></tr>
<tr><td>1</td><td>Manfaat Kematian</td><td>1) RM500,000 tambah sebarang penggalak legasi, tolak sebarang amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kematian; atau<br>2) Nilai akaun dan tambahan RM5,000,<br>yang mana lebih tinggi.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)</td><td>1) RM500,000 tambah sebarang penggalak legasi, tolak sebarang amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kelulusan HUMK; atau<br>2) Nilai akaun dan RM5,000,<br>yang mana lebih tinggi akan dibayar untuk HUMK berlaku sebelum hari jadi ke-69 orang yang diinsuranskan, tertakluk kepada RM10juta setiap orang yang diinsuranskan.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (di samping manfaat kematian)</td><td><table>
<tr><th>No</th><th>Peristiwa</th><th>Peratus Pembayaran (%)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Kematian disebabkan kemalangan berlaku di Malaysia</td><td>Tambahan 200% jumlah yang diinsuranskan.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Kematian disebabkan kemalangan berlaku di negara selain daripada Malaysia</td><td>a) Tambahan 300% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk kematian disebabkan kemalangan dalam 6 bulan berturut-turut (setiap perjalanan).<br>b) Tambahan 200% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk kematian disebabkan kemalangan selepas 6 bulan berturut-turut (setiap perjalanan).</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Kematian disebabkan oleh punca bencana alam</td><td>Tambahan 500% jumlah yang diinsuranskan.</td></tr>
</table>
Nota: Perlindungan ini tamat pada hari jadi ke-69 orang yang diinsuranskan, tertakluk kepada RM15juta setiap orang yang diinsuranskan. Sila rujuk kepada polisi untuk maklumat lanjut.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Unit Bonus Kesetiaan</td><td>Unit bonus yang bersamaan dengan 0.1% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibentuk dan diperuntukkan kepada akaun anda, setiap 2 tahun, daripada awal tahun polisi ke-7 hingga matang.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Penggalak Unit Bonus</td><td><u>Bagi jumlah yang diinsuranskan kurang daripada RM500,000</u><br>Unit bonus yang bersamaan dengan 5% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibentuk dan diperuntukkan kepada akaun anda, pada akhir tahun polisi ke-30 atau akhir tahun polisi umur 60 orang yang diinsuranskan, yang mana kemudian.<br><u>Bagi jumlah yang diinsuranskan RM500,000 dan ke atas</u><br>Unit bonus yang bersamaan dengan 10% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibentuk dan diperuntukkan kepada akaun anda, pada akhir tahun polisi ke-30 atau akhir tahun polisi umur 60 orang yang diinsuranskan, yang mana kemudian.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Penggalak Legasi</td><td>Jumlah tambahan yang bersamaan dengan 5% daripada jumlah yang diinsuranskan bagi setiap 10 tahun polisi sehingga maksimum 30%, yang akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau HUKM. Tiada tambahan caj insurans bagi penggalak legasi ini.</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Penggalak Matang</td><td>Bagi polisi yang matang pada umur 80, 90 atau 100, di samping manfaat matang, kami juga akan membayar penggalak matang.<br>1) Satu jumlah bersamaan dengan 5% daripada jumlah yang diinsuranskan bagi polisi dengan jumlah yang diinsuranskan kurang daripada RM500,000, atau<br>2) Satu jumlah bersamaan dengan 10% daripada jumlah yang diinsuranskan bagi polisi dengan jumlah yang diinsuranskan RM500,000 dan ke atas.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Manfaat Matang</td><td>Nilai akaun</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Manfaat Serahan</td><td>Nilai akaun, tolak sebarang caj penyerahan</td></tr>
</table>

**Nota**: Jumlah yang diinsurankan untuk unit bonus kesetiaan, penggalak unit bonus, dan penggalak matang tidak termasuk penggalak legasi.

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat tentang produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

| |
|---|
| Insurans berkaitan pelaburan anda tidak termasuk:<br>* Bunuh diri - jika kematian disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula polisi yang terkini, mana yang lebih kemudian.<br>* HUMK atau kematian akibat kemalangan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana perkara berikut:<br>a) Kematian atau kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri;<br>b) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan, atau kekecohan awam.<br>**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap. |

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi berkaitan perlaburan anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/berkaitan-pelaburan/legacypro-insurans

## ❸ Ketahui Kewajipan Anda

<table>
<tr><td colspan="2">Untuk pelan insuran hayat berkaitan pelaburan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:</td></tr>
<tr><td>Premium</td><td>RM2,712.00 tahunan</td></tr>
<tr><td colspan="2">Tempoh: Hingga umur 100.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.</td></tr>
<tr><td>Premium diperuntukkan untuk pembelian unit</td><td>60% daripada jumlah premium tahun pertama polisi atau RM1,627.00<br>Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut</td></tr>
<tr><td colspan="2">Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</td></tr>
<tr><td>Duti Setem</td><td>RM10 akan dibayar oleh kami</td></tr>
<tr><td>Jumlah Komisen</td><td>2.29% daripada jumlah premium dibayar atau RM4,339.00</td></tr>
<tr><td>Caj-caj lain yang dikenakan<br>a) Caj Pentadbiran</td><td><br>RM7 sebulan</td></tr>
<tr><td>b) Fi Pengurusan Dana Tahunan</td><td><table><tr><th>Dana Yang Dipilih</th><th>Peruntukan Pelaburan<br>(% daripada amaun peruntukan)</th><th>Fi Pengurusan Dana Tahunan<br>(% daripada Nilai Aset Bersih)</th></tr><tr><td>Dana Ekuiti Premier Lestari Global</td><td>100%</td><td>1.0%</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>c) Fi Pertukaran Dana</td><td>Tidak terhad dan percuma</td></tr>
<tr><td>d) Caj Insurans</td><td>Caj insurans akan ditolak dari nilai akaun anda setiap bulan</td></tr>
<tr><td>e) Caj Penyerahan</td><td>Caj penyerahan seperti berikut akan dikenakan, jika anda ingin menamatkan polisi anda sebelum tarikh matang polisi:<table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Caj Penyerahan<br>(% daripda Premium Tahunan Komponen Asas)</th></tr><tr><td>1</td><td>40%</td></tr><tr><td>2</td><td>40%</td></tr><tr><td>3</td><td>40%</td></tr><tr><td>4</td><td>10%</td></tr><tr><td>5</td><td>10%</td></tr><tr><td>6 – 10</td><td>10%</td></tr><tr><td>11 keatas</td><td>0%</td></tr></table></td></tr>
</table>

## ❹ Syarat Utama Lain

* Anda mesti mendedahkan semua fakta materials seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu Kami membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
* Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium tersebut
* Nilai akaun polisi berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih dan tidak dijamin. Penolakan unit akaun bagi caj-caj polisi dan caj-caj rider (jika ada), adalah sepanjang tempoh polisi, termasuk selepas tempoh bayaran premium.
* Jika nilai akaun adalah mencukupi, anda boleh berhenti seketika dari membayar premium. Jika premium tidak dibayar, polisi fi dan caj-caj akan terus ditolak melalui pembatalan unit-unit. Ini akan mengurangkan nilai akaun dan akhirnya menyebabkan polisi luput. Anda perlu memastikan bahawa nilai akaun adalah mencukupi untuk membayar fi dan caj tersebut supaya anda boleh menikmati perlindungan insurans yang tidak tergendala.
* Sebarang pembayaran premium selepas tempoh tangguh atau pengeluaran separa boleh mengakibatkan polisi luput. Sebarang pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum kematian atau HUMK akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan bersamaan dengan jumlah pengeluaran yang dibuat.
* Tempoh tangguh adalah masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium perlu dibayar.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk terma dan syarat yang lengkap.

## ❓ Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi dengan meberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas polisi diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan amaun (jumlah premium yang tidak diperuntukkan, nilai akaun dana pelaburan mengikut harga unit pada penilaian yang berikutnya dan sebarang caj dan fi polisi yang telah ditolak, ditolak sebarang kos perubatan yang ditanggung) kepada anda.
- **Selepas Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan polisi dengan mengembalikan the polisi kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Nilai serahan (jika ada) adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada premium yang telah dibayar dan tertakluk kepada caj serahan, jika ada.

### Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi LegacyPro dan kontrak tambahan atau rider, sekiranya berkanaan.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi LegacyPro dan kontrak tambahan atau rider, jika berkenaan.

* Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

______________________
Nama:
Tarikh:

Nota: Premium di atas dijana dengan andaian pelanggan adalah lelaki, sihat dan berumur 30 tahun.

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

eTiQa
Insurans Hayat

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider perubatan dan kesihatan anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 20/08/2025**

## 1 Apa itu Critical Illness Cover?

Critical Illness Cover adalah satu rider penolakan unit yang boleh anda lampirkan pada pelan berkaitan pelaburan. Ia membayar jumlah yang diinsuranskan rider sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 39 penyakit kritikal, sehingga umur 100 orang yang diinsuranskan.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider perubatan dan kesihatan berikut sehingga umur 100.** | | |
|---|---|---|
| **1** | **Perlindungan** | RM100,000 |
| **2** | **Manfaat Penyakit Kritikal** | Penyakit kritikal yang dilindungi dibawah rider ini termasuk<br>1. Kanser<br>2. Strok<br>3. Sakit Jantung<br>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi anda untuk maklumat lanjut penyakit kritikal yang dilindungi.<br><br>Jumlah pembayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan rider anda, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Jumlah yang diinsuranskan rider ini tidak akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan polisi asas anda. |

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat tentang produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda mengecualikan:
1) Penyakit kritikal didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
   a) Keadaan perubatan yang anda alami sebelum membeli pelan ini (i.e. keadaan sedia ada);
   b) Kecederaan diri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
   c) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
   d) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/berkaitan-pelaburan/legacypro-insurans

## 3 Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk rider anda yang dilampirkan, anda mesti membayar yang berikut:** | |
|---|---|
| Caj Insurans | Caj insurans bagi rider akan ditolak dari akaun polisi pada permulaan setiap bulan, melalui pembatalan unit sepanjang tempoh rider. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut mengenai caj insurans rider ini. |
| Tempoh: sehingga umur 100 | |
| Komisen | Komisen yang dibayar merupakan sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda. Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut. |

## 4 Syarat Utama Lain

1) Perlindungan anda hanya akan berkuat kuasa selepas 30 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana yang lebih kemudian.
2) Perlindungan anda untuk penyakit kritikal yang berikut hanya akan berkuat kuasa selepas 60 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, yang mana lebih kemudian:
   a) Kanser;
   b) Penyakit Koronari Hati yang Memerlukan Pembedahan;
   c) Sakit Jantung; dan
   d) Penyakit Koronari Arteri Serius yang lain.
3) Tempoh hidup penyakit kritikal: 7 hari selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## ? Bolehkah saya membatalkan kontrak tambahan atau rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Insurans Hayat

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider penolakan unit anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 20/08/2025**

## 1 Apa itu Waiver of Premium for Critical Illness?

Waiver of Premium for Critical Illness adalah satu rider penolakan unit yang boleh anda lampirkan pada pelan berkaitan pelaburan. Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi, premium pada masa hadapan di bawah polisi ini akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider ini.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider berikut sehingga umur 100.** | | |
|---|---|---|
| **1** | **Manfaat Waiver of Premium** | Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dikecualikan, premium pada masa hadapan di bawah polisi ini akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider ini.<br>**Nota**: Sila rujuk kepada polisi untuk maklumat lanjut tentang penyakit kritikal yang dilindungi. |

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat tentang produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda mengecualikan:

1) Premium tidak akan dikecualikan kepada sebarang penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
    a) Keadan perubatan yang anda alami sebelum membeli pelan ini (i.e. keadaan sedia ada);
    b) Kecederaan diri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
    c) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
    d) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/berkaitan-pelaburan/legacypro-insurans

## 3 Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk rider anda yang dilampirkan, anda mesti membayar yang berikut:** | |
|---|---|
| Caj Insurans | Caj insurans bagi kontrak tambahan atau rider akan ditolak dari akaun polisi pada permulaan setiap bulan, melalui pembatalan unit sepanjang tempoh rider. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut mengenai caj insurans rider ini. |
| Tempoh: sehingga umur 100. | |
| Komisen | Komisen yang dibayar merupakan sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda. Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut. |

## 4 Syarat Utama Lain

1) Perlindungan penyakit kritikal anda hanya akan berkuat kuasa selepas 30 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana yang lebih kemudian.
2) Untuk penyakit kritikal yang berikut, perlindungan anda hanya akan berkuat kuasa selepas 60 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, yang mana lebih kemudian:
    a) Kanser;
    b) Penyakit Koronari Hati yang Memerlukan Pembedahan;
    c) Sakit Jantung; dan
    d) Penyakit Koronari Arteri Serius yang lain.
3) Tempoh hidup penyakit kritikal: 7 hari selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## ? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Etiqa
Insurans Hayat

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider penolakan unit anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 20/08/2025**

## ❶ Apa itu Payor Waiver of Premium (Spouse)?

Payor Waiver of Premium (Spouse) adalah satu rider penolakan unit yang boleh anda lampirkan pada pelan berkaitan pelaburan. Sekiranya pemilik polisi meninggal dunia, hilang keupayaan secara menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi, premium pada masa hadapan di bawah polisi ini akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider ini.

## ❷ Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider berikut sehingga umur 100.** | | |
|---|---|---|
| **1** | **Payor Waiver of Premium (Spouse)** | Sekiranya pemilik polisi meninggal dunia, hilang keupayaan secara menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dikecualikan, premium pada masa hadapan di bawah polisi ini akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider ini.<br>**Nota**: Sila rujuk kepada polisi untuk maklumat lanjut tentang penyakit kritikal yang dilindungi. |

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat tentang produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda mengecualikan:

1) Bunuh diri – Jika pemilik polisi membunuh diri semasa siuman atau tidak siuman, dalam tempoh 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau dari tarikh terakhir pengembalian, yang mana lebih kemudian.
2) Premium tidak akan dikecualikan kepada HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh;
   a) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri;
   b) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam.
   c) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)
3) Premium tidak akan dikecualikan kepada sebarang penyakit kritikal yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
   a) Keadan perubatan yang anda alami sebelum membeli pelan ini (i.e. keadaan sedia ada);
   b) Kecederaan diri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
   c) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
   d) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/berkaitan-pelaburan/legacypro-insurans

## ❸ Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk rider anda yang dilampirkan, anda mesti membayar yang berikut:** | |
|---|---|
| Caj Insurans | Caj insurans bagi kontrak tambahan atau rider akan ditolak dari akaun polisi pada permulaan setiap bulan, melalui pembatalan unit sepanjang tempoh rider. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut mengenai caj insurans rider ini. |
| Tempoh: sehingga umur 100. | |
| Komisen | Komisen yang dibayar merupakan sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda. Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut. |

## ❹ Syarat Utama Lain

1) Perlindungan HUMK hanya akan berkuat kuasa sekiranya mengalami HUMK secara berterusan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh permulaan HUMK, kecuali Andaian HUMK.
2) Perlindungan penyakit kritikal anda hanya akan berkuat kuasa selepas 30 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana yang lebih kemudian.
3) Untuk penyakit kritikal yang berikut, perlindungan anda hanya akan berkuat kuasa selepas 60 hari kalendar dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, yang mana lebih kemudian:
   a) Kanser;
   b) Penyakit Koronari Hati yang Memerlukan Permbedahan;
   c) Sakit Jantung; dan
   d) Penyakit Koronari Arteri Serius yang lain.
4) Tempoh hidup penyakit kritikal: 7 hari selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## ❓ Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.